

## Press Clipping

Publication: Berita Harian – B&W  
Ekonomi, P. B7 (1 of 1)

Date: 19<sup>th</sup> June 2006

# 100 firma minat beroperasi di PKFZ

**K**IRA-KIRA 100 syarikat yang kini beroperasi di Zon Bebas Jebel Ali di Dubai berminat untuk turut beroperasi di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), kata Ketua Eksekutif Lembaga Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA), Salma Hareb.

"Beberapa pelanggan kami sudah memulakan operasi di PKFZ dan kami sedang berbincang dengan pelanggan di Zon Bebas Jebel Ali dan saya tahu ramai yang amat berminat ke sana (PKFZ).

"Mereka mahu menyaksikan PKFZ direalisasikan," katanya pada seminar 'Peluang Logistik di Pelabuhan Klang' yang dirasmikan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini.

Seminar itu dianjurkan Port Klang Malaysia, Westport Malaysia, PKFZ

dan Jafza International sempena misi perdagangan bagi menarik penyertaan peserta dan ahli perniagaan, terutama dari kalangan anggota Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) untuk beroperasi di PKFZ.

Hadir sama Pengerusi Pelabuhan Klang, Datuk Yap Pian Hon dan Pengerusi Eksekutif Westport Malaysia, Tan Sri G Gnanalingam dan Pengerah Urusan PKFZ, Noel Gulliver.

JAFZA, pengendali kawasan perdagangan bebas terbesar dunia, bertanggung jawab menguruskan PKFZ seluas 405 hektar di Pulau Indah bagi tempoh 15 tahun.

PKFZ adalah pelaburan kedua terbesar kerajaan dalam sektor pelabuhan sejak 1990-an dan ia dibangunkan sebagai zon perdagangan bebas dan komersial bersepadu.

PKFZ dijadual dirasmikan hujung

bulan ini, manakala pejabat dan gudang dijangka siap akhir tahun ini.

Gulliver berkata, JAFZA yang menguruskan 5,500 syarikat antarabangsa sedang berusaha membawa kejayaan pengurusan zon bebas itu ke PKFZ.

"Semua orang tahu jika anda mahu beroperasi di Asia Barat, Jebel Ali adalah tempatnya dan adalah menjadi matlamat dan sasaran kami untuk menjadikan PKFZ pusat sehati utama di Asia Tenggara.

"Sesiapa yang hendak ke Asia Tenggara, Pelabuhan Klang bakal menjadi pelabuhan panggilan pertama," katanya sambil menambah jika 10 peratus daripada syarikat yang beroperasi di Zon Bebas Jebel Ali menjadikan PKFZ sebagai pusat operasi di Asia Tenggara, ia sudah memadai.

Mengenai sama ada PKFZ mampu

menjadi seperti JAFZA sebagai pusat sehati yang berjaya, Gulliver berkata, walaupun kedua-dua negara mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbiran berbeza, pihaknya yakin PKFZ mampu menyamai keberkesanan operasi seperti di JAFZA.

"Jika semua proses dokumentasi perkapalan dapat diselesaikan dalam tempoh dua minit di Jebel Ali, begitu jugalah di PKFZ," katanya.

Terdahulu, Chan dalam ucapannya menyatakan komitmen kerajaan menyaksikan PKFZ dapat direalisasikan.

"Jika kerajaan perlu menggubal undang-undang untuk mencapai objektif penubuhan PKFZ, kita akan pastikan ia dapat dijalankan," katanya.

Oleh Suffian A Bakar